

Amerika tidak lihat perubahan hubungan dengan Malaysia

KUALALUMPUR 26 Jun – Amerika Syarikat (AS) tidak melihat sebarang perubahan dalam hubungannya dengan Malaysia berhubung keputusan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad untuk meletakkan jawatan pada Oktober 2003..

“Kepentingan kami bukannya terikat kepada para pemimpin tertentu tetapi kepada negara-negara dan seluruh kerajaan,” kata Duta AS di Malaysia, Marie T. Huhtala pada satu persidangan perniagaan di ibu kota.

“Saya tidak fikir terdapat sebarang kesan ke atas hubungan AS-Malaysia,” katanya.

“Saya menjangkakan hubungan itu akan terus bertambah kuat walau apa pun perubahan yang dibuat oleh kerajaan Malaysia.”

Huhtala berkata, pengganti Dr. Mahathir iaitu Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi bukan merupakan seorang pemimpin yang asing bagi Washington.

“Kami mengenali Abdullah dengan baik, kami mengadakan banyak perhubungan dengannya dan kami berasa sangat selesa,” tambah beliau.

Sementara itu, Presiden Filipina, Gloria Macapagal Arroyo melahirkan rasa terkejutnya terhadap keputusan Dr. Mahathir untuk meletakkan jawatan pada tahun depan, kata seorang jurucakap Presiden.

Bagaimanapun, Arroyo menegaskan bahawa peletakan jawatan Dr. Mahathir itu tidak akan menjejaskan sama sekali kestabilan di rantau Asia Tenggara, kata Silvestre Afable. – Agensi